

13 OCT 1997

Mahathir-kemiskinan (gambar)

NEGARA ASIA PASIFIK DIGESA GUNAKAN SUMBER KEWANGAN DALAMAN

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata negara-negara Asia Pasifik hendaklah menggerakkan sumber kewangan dalaman mereka sendiri daripada bergantung kepada bantuan luar dalam usaha mereka untuk menghapuskan kemiskinan di negara masing-masing.

Perdana Menteri berkata ia merupakan langkah pertama ke arah berdikari dan dihormati kerana mencari sumber kewangan dengan cara tersendiri.

"Sikap negara-negara kaya terhadap keadaan ekonomi kita hendaklah dijadikan perangsang untuk kita mengambil inisiatif dengan melihat potensi rantau ini ke arah mengekalkan kemajuan," katanya ketika merasmikan Masyuarat Jawatankuasa Pemandu Kemajuan Wanita Luar Bandar dan Kepulauan Asia Pasifik (RSC-AP) di sini.

RSC-AP, sebuah rangkaian penggerak yang mengandungi wanita pertama, tokoh wanita dan isteri ketua-ketua kerajaan, ditubuhkan untuk membasmi kemiskinan di kalangan wanita di rantau ini yang memang diketahui mempunyai paling banyak isi rumah termiskin di dunia.

Dr Mahathir berkata negara-negara RSC-AP, secara keseluruhannya, dapat menggerakkan sumber-sumber tanpa terlalu bergantung kepada negara-negara maju.

Seminar RSC-AP di Teheran April lepas telah mencadangkan dan meluluskan penubuhan sebuah tabung pusingan kebangsaan yang bebas sebagai langkah penting ke arah mencapai matlamat membantu 70 juta wanita miskin di rantau Asia-Pasifik dengan kerjasama institusi-institusi pembasmi kemiskinan menjelang tahun 2005.

Dr Mahathir berkata antara halangan untuk membebaskan negara-negara di rantau ini daripada kemiskinan ialah membiayai pelbagai institusi pembasmi kemiskinan supaya menjadi institusi kewangan yang berdaya maju yang boleh menangani kemiskinan luar bandar bagi meningkatkan pendapatan wanita dan seterusnya meningkatkan taraf hidup mereka.

Beliau bagaimanapun mengingatkan bahawa daripada pengalaman lampau terdapat institusi kewangan antarabangsa yang diharapkan untuk membantu institusi pembasmi kemiskinan sebaliknya hanya memberikan perkhidmatan kepada institusi-institusi kewangan dan yayasan gergasi dengan berselindung di balik aktiviti membantu golongan miskin.

"Sekatan-sekatan yang menjadi penghalang kepada banyak negara di Asia Pasifik seharusnya dijadikan pengajaran kepada kita untuk memperkuatkan azam dan komitmen kita untuk mewujudkan institusi mikro kewangan (MFI) kita sendiri yang tulin dan mesra".

Cadangan penubuhan tabung RSC-AP boleh diguna sebagai pilihan kepada tabung antarabangsa sumbangan pelbagai pihak untuk membantu golongan miskin, katanya.

Dr Mahathir berkata sektor perbankan, kerajaan dan MFI perlu bekerjasama untuk mewujudkan rangka kerja sokongan dasar nasional ke arah menjadikan MFI institusi kewangan yang berdaya maju dan berkekalan.

Perdana Menteri berkata Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) merupakan contoh institusi dari Malaysia yang telah berjaya membantu beribu-ribu wanita miskin di luar bandar.

Sehingga ini, AIM yang membantu kira-kira 47,000 keluarga miskin atau separuh daripada isi rumah miskin di Malaysia, telah mengeluarkan pinjaman lebih RM20 juta.

Dr Mahathir berkata pengurangan kadar kemiskinan di Malaysia daripada 70 peratus pada 1969 kepada kurang daripada 10 peratus di akhir tempoh

Rancangan Malaysia Keenam menunjukkan kejayaan rancangan pembangunan luar bandar dan negara dalam tempoh empat tahun lalu.

Mesyuarat RSC-AP enam hari itu yang bermula Sabtu dihadiri oleh perwakilan daripada 14 negara anggota.

Mesyuarat itu buat julung kalinya dihadiri oleh Wanita Pertama dari Pakistan, India, Iran, Mongolia, Kyrgyzstan dan Vietnam. Malaysia selaku tuan rumah diwakili oleh isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, yang juga pengerusi RSC-AP bagi tempoh 1995-1998. -- BERNAMA

RAZ oba